



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang berita yang tular di media sosial:

Ibu Pejabat Polis (IPD) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang **menafikan** dakwaan bahawa kemalangan cedera parah di Jalan Ara Kuda, Tasek Gelugor disebabkan oleh pemandu mabuk seperti yang tular di media sosial. Pihak IPD **menjelaskan** kemalangan tersebut berlaku kerana pemandu terbabas akibat mengelak haiwan melintas sebelum dua buah motosikal melanggar bahagian tepi sebelah kanan keretanya lalu tercampak ke atas jalanraya. Pihak IPD juga **mengesahkan** bahawa hasil ujian kandungan alkohol yang dibuat ke atas pemandu pada hari kejadian adalah negatif.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
23 Jun 2020 | 9.00 Pagi**

